

**Jenama 1Malaysia Paling Popular, Kata Najib  
Bernama  
6 Januari , 2012**

RAWANG, 6 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak berkata berdasarkan satu kajian, jenama 1Malaysia adalah yang paling popular kini.

Perdana Menteri berkata ia menunjukkan bahawa rakyat menerima jenama berkenaan yang bukan hanya satu gagasan tetapi juga satu falsafah yang boleh menjadikan sebuah negara yang kukuh dalam ikatan yang tidak mungkin terungkai.

"Apabila kita menyebut 1Malaysia ia bukan hanya satu ungkapan yang ceremonial sahaja.

"Bila kita sebut 1Malaysia ia menggambarkan kita ada satu keluarga besar dan kita ada kekuatan yang lebih," katanya semasa melancarkan program Komuniti 1Malaysia di Bukit Sentosa, yang dihadiri kira-kira 50,000 orang, Jumaat.

Katanya falsafah 1Malaysia adalah inklusif dan tidak melupakan mana-mana golongan di dalam negara dan ia dengan sendiri memahami keperluan rakyat berdasarkan slogannya "Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan".

Najib turut mengumumkan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) bakal diwujudkan di kawasan Parlimen Hulu Selangor.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=638410>